



TEKS UCAPTAMA

**YBHG. DATO' PADDY BIN ABD HALIM
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**BERSEMPENA:
MAJLIS AMANAT
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA**

**TEMPAT:
DEWAN SEMARAK JATI, IBU PEJABAT
PUTRAJAYA**

**TARIKH:
08 APRIL 2019 | ISNIN**

1. Terima kasih kepada tuan / puan Pengacara Majlis.
2. Bismillahi Rahmani Rahim.
3. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
4. Salam Sejahtera, Salam Semarak Integriti Kastam dan Salam Sayangi Malaysiaku.
5. **YBhg. Dato' Azimah Binti Abd. Hamid,**
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan / Pematuhan),

YBhg. Dato' Dr. Zulkefli Bin Ibrahim,
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan),

Penolong-Penolong Ketua Pengarah Kastam,

Pengarah-Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Operasi Zon dan Negeri,

Barisan kepimpinan *NGO-NGO* Jabatan Kastam Diraja Malaysia,

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan, seluruh warga jabatan serta para hadirin yang dihormati sekalian.
6. Alhamdulillah, pertama-tamanya, marilah kita memanjatkan rasa syukur kepada **Allah Azza Wa Jalla** atas kurniaan nikmat kehidupan serta

rahmat kesihatan yang mengizinkan kita untuk bersama-sama meluangkan masa berkumpul dalam majlis di pagi yang indah ini.

7. Saya mengambil ruang dan peluang di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menzahirkan kepercayaan kepada saya untuk menakhodai pentadbiran Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
8. Ucapan penghargaan ini, saya sembahkan khas kepada;

- i. **Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong,**

atas limpah perkenan baginda untuk melantik saya sebagai Ketua Pengarah Kastam Malaysia yang baharu. Menjunjung Kasih Tuanku!

9. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada;

- i. **YAB. Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad,**
Perdana Menteri Malaysia,
 - ii. **YB. Tuan Lim Guan Eng,**
Menteri Kewangan Malaysia
 - iii. **YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Bin Hj. Bakar,**
Ketua Setiausaha Negara, dan,
 - iv. **YBhg. Datuk Ahmad Badri Bin Mohd Zahir,**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan,

atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk memimpin Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

10. Ucapan terima kasih ini turut saya panjangkan khusus kepada seluruh warga Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang saya kasihi sekalian.
11. Sesungguhnya, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, merupakan sumber kekuatan dan semangat untuk saya berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Kastam Malaysia seperti yang telah diamanahkan.

SEMARAKKAN NILAI INTEGRITI

Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

***Buah Mengkudu Tinggi Melampai,
Perdu Jati Dimakan Rusa;
Warga Sepadu Visi Dicapai,
Nilai Integriti Pengukuh Nusa.***

12. Seperti yang sering diwar-warkan sebelum ini, usaha menyemarakkan nilai integriti di kalangan warga Kastam bukanlah sebuah isu yang baharu malah telah diperjuangkan secara komprehensif dan holistik sejak sekian lama.

13. Di peringkat nasional, Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah mengorak langkah dalam merencanakan inisiatif pemantapan budaya integriti di kalangan warga dengan memperkenalkan **Pelan Integriti Jabatan**.
14. Selain bertindak sebagai medium sahutan kepada seruan kerajaan, **Pelan Integriti Jabatan** ini merupakan sebuah naskah yang direncana khas sebagai panduan serta menjadi halatuju seluruh warga Kastam dalam membentuk modal insan yang berintegriti serta mampu membudayakan nilai murni pada setiap masa.
15. Halatuju inisiatif murni ini adalah selaras dengan ketetapan yang telah diterbitkan oleh **World Customs Organization (WCO)** melalui **The Revised Arusha Declaration** yang memfokuskan isu-isu integriti khususnya berkaitan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
16. Justeru, berteraskan panduan-panduan yang telah diwujudkan ini, disulami **Etika Perkhidmatan Kastam; Amanah Berkhidmat, Ikhlas, Dedikasi**, seluruh warga Kastam seharusnya berupaya untuk mewujudkan suasana yang lebih *transparent* dan dapat memberi penumpuan khusus ke arah menyemarakkan nilai integriti dalam kehidupan seharian, khasnya ketika melaksanakan tugas rasmi.
17. Suka untuk saya tegaskan di sini bahawa, saya dan seluruh barisan pengurusan tertinggi Jabatan Kastam Diraja Malaysia tidak akan sesekali berkompromi dan teragak-agak untuk mengambil tindakan kepada mana-mana warga Kastam yang terlibat dengan sebarang salah laku integriti.

18. Jalankanlah tugas dengan penuh amanah. Beringat-ingatlah sebelum terlambat. Janganlah sudah terhantuk baru nak terngadah. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya.

TINGKATKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI

Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

19. Sasaran kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi berpendapatan tinggi melalui aktiviti berasaskan *Information and Communications Technology (ICT)* serta usaha mengangkat Malaysia sebagai sebuah hab utama global bagi *ICT* telah mencetuskan lapangan ekonomi yang memfokuskan penggunaan teknologi terkini.
20. Perkembangan bidang teknologi ini secara tidak langsung telah melibatkan urusan jual-beli serta percukaian dan sekaligus membuka ruang dan peluang kepada Jabatan Kastam sebagai sebuah agensi pemungut cukai untuk turut mengaplikasikan perkembangan teknologi semasa dalam urusan rasmi jabatan.
21. Jabatan Kastam Diraja Malaysia sewajarnya mengoptimumkan peluang menggunakan kemudahan teknologi yang ada secara efektif dan menyeluruh demi meningkatkan hasil serta output yang lebih konsisten.
22. Kita mempunyai banyak data-data yang telah dikumpulkan sebelum ini, maka dengan mengaplikasikan kemudahan teknologi, data-data ini boleh

dikaji serta dianalisis dengan baik ke arah memangkin pertumbuhan positif prestasi jabatan.

23. Fokus khusus yang diberikan oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan kemudahan infrastruktur rangkaian dan perdagangan, telah menjadikan Jabatan Kastam sebagai sebuah agensi yang signifikan dalam memberi fasilitasi kepada komuniti pedagang global.
24. Walaubagaimanapun, bagi mengelakkan sebarang penyelewengan dan kebocoran hasil, pemberian fasilitasi ini perlu dikawal mengikut tatacara perundangan yang telah ditetapkan.
25. Oleh yang demikian, dengan mengaplikasikan kemudahan teknologi secara optimum, proses pemantauan dapat ditingkatkan ke arah menjana aktiviti kawalan dengan lebih baik dan sistematik.
26. Kita mungkin boleh menjadikan beberapa pentadbiran Kastam dari negara lain sebagai sumber rujukan atau *benchmark* dalam memperkasakan perkembangan teknologi mengikut keperluan semasa.
27. Pepatah Melayu ada menyebut; ***kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.***
28. Justeru, Jabatan Kastam Diraja Malaysia tidak boleh ketinggalan.
29. Sebagai sebuah agensi yang bertaraf dunia, kita perlu sentiasa bersiap siaga dan bergerak sehaluan dengan senario semasa.

PERKASAKAN ILMU PENGETAHUAN

Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

30. Hidup tanpa ilmu pengetahuan ibarat belayar di tengah lautan di malam yang gelap gelita tanpa arah tujuan yang nyata.
31. Sebagai penjawat awam yang komited dan berdedikasi, warga Kastam disarankan untuk sentiasa menimba ilmu pengetahuan supaya lebih berdaya saing, dinamik dan dapat menguruskan tugas dengan lebih holistik seterusnya menjana keberhasilan output yang lebih berkualiti.
32. Usaha ini adalah penting dalam memperkasakan imej serta jati diri setiap warga Kastam ke arah menghasilkan produktiviti serta kualiti penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.
33. Modul latihan dan pembelajaran jabatan juga sewajarnya disemak semula dan dikemaskini mengikut situasi semasa supaya ilmu pengetahuan yang dipelajari oleh setiap pegawai sentiasa relevan merentas zaman.
34. Hayatilah firman Allah S.W.T. dalam Surah Ar-Ra'd, ayat ke-11, yang membawa maksud;

“...Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri...”

35. Justeru, ***“for a good things to happen, you have to get out of your comfort zone”***.

36. Bangkitlah warga Kastam, luruskan saf, bergeraklah seiringan ke hadapan, timbalah ilmu pengetahuan demi mencapai satu hasrat keramat bak ungkapan lirik yang sering kita laungkan dalam **Lagu Kastam; Berjasa Pada Nusa!**

Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

37. Sebelum mengakhiri ucapan, besarlah harapan saya agar YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, warga Kastam yang saya hormati sekalian dapat bekerja bersama-sama saya, berganding bahu sebagai satu pasukan yang mantap dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan ini.

38. Bantulah saya melalui perkongsian pandangan dan buah fikiran yang bernas dalam menambahbaik sektor pengurusan dan pentadbiran jabatan.

39. Luruskan niat, betulkan tekad, sematkan nilai integriti yang tertinggi dalam sanubari kita agar setiap agenda yang direncana mampu mendatangkan hasil yang positif ke arah memacu kecemerlangan prestasi Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

***Buah Salak Di Dalam Kantung,
Kulitnya Keras Isinya Kelat;
Bulat Air Kerana Pembetung,
Bulat Warga Kerana Sepakat.***

***Sang Bendahara Membelah Samudera,
Singgah Di Melaka Membawa Berita;
Iltizam Warga Senjata Utama,
Bergiatlah Kita Teguhlah Negara.***

40. Sekian, selamat maju jaya dan terima kasih.

**DATO' PADDY BIN ABD HALIM,
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA
TARIKH: 08 APRIL 2019**